

Isu dengan Suqiu

UM 24 NOV 2000

Oleh Hassan Omar, Johari Ibrahim

KULIM, Khamis – Dua isu yang diputarbelitkan pembangkang untuk menagih undi masyarakat Cina di Lunas tidak akan mampu mempengaruhi mereka kerana kedua-dua isu itu sudah selesai.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, isu cadangan penubuhan Sekolah Wawasan dan tuntutan 17 perkara Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) sudah diselesaikan dengan baik antara kerajaan dengan kedua-dua pi-

“

Pengundi Cina tidak harus membiarkan dakyah pembangkang ini merosakkan masa depan mereka kerana fakta sebenarnya ialah kedua-dua isu ini sudah selesai

”

– Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting

hak berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, pembangkang dipercayai tidak akan membiarkan isu

terbabit tanpa dieksploitasi untuk menagih simpati masyarakat Cina, khususnya di Lunas menjelang

pilihan raya kecil Lunas Rabu ini.

Menurutnya, masyarakat di sini memahami bahawa cadangan penubuhan sekolah wawasan tidak akan menyebabkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina SRJKC hilang identiti asal mereka, sebaliknya ia adalah penyatuan tiga jenis aliran sekolah kebangsaan dalam satu kawasan yang bertujuan meningkatkan integrasi nasional, sekali gus menolak polarisasi kaum.

Ong yang juga Naib Presiden MCA berkata, cada-

sudah selesai

ngan penubuhan sekolah wawasan setakat ini hanyalah projek perintis dengan Lembaga Pengurus SRJKC tetap dikekalkan dan masyarakat Cina di sini memahaminya berdasarkan penjelasan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Muhammad di SRJKC Min Hwa di sini petang ini.

Mengenai tuntutan 17 perkara Suqiu, Ong berkata, ia sudah diselesaikan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perjumpaan dengan jawatankuasa terbabit dan MCA

menganggap perkara berkenaan sudah selesai.

“MCA percaya pembangkang akan terus menggunakan kedua-dua isu ini dengan tujuan memutarbelitkan fakta. Saya baca kenyataan Saifudin (Nasution Ismail) dalam akhbar berbahasa Cina hari ini dan mendapati apa yang dikatakan oleh Saifuddin itu tidak benar.

“Pengundi Cina di sini tidak harus membiarkan dakyah pembangkang ini merosakkan masa depan mereka kerana fakta sebenarnya ialah kedua-dua isu

ini sudah selesai.

“Kami, barisan pemimpin MCA akan terus memberikan penjelasan mengenai isu ini pada pengundi Cina di Lunas,” katanya selepas menyampaikan cek bernilai RM100,000 kepada Majlis Daerah Kulim untuk membaiki kerosakkan pasar Lunas, di sini petang ini.

Ong berharap masyarakat Cina di Lunas akan menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk membuat keputusan yang tepat dengan memilih Barisan Nasional dalam pilihan raya Rabu ini.

**PILIHAN RAYA
KECIL
N34 LUNAS**

29 November 2000

